

'PROTES POLITIK RUGIKAN UMNO'

KUALA LUMPUR Ahad — Protes politik seperti memboikot pilihanraya atas sebab yang kecil akan merugikan UMNO sendiri kerana perjuangan UMNO memerlukan sokongan pengorbanan ahli-ahlinya bagi menjamin orang Melayu mendapat tempat yang tinggi di negara ini.

"Janganlah kerana tidak dapat bekalan api elektrik atau air maka pilihanraya hendak diboikot kerana perjuangan UMNO bukan sekadar itu, tetapi untuk menjamin orang-orang Melayu tidak tertinggal sebagai bangsa yang tercicir."

Demikian nasihat Naib Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Rafidah Aziz semasa merasmikan mesyuarat

agung Pergerakan Wanita Cawangan Kampung Pandan Utara di sini, hari ini.

Katanya, masalah mendapatkan tanah, api, air, walaupun penting tetapi bukanlah merupakan asas perjuangan UMNO kerana yang lebih penting lagi ialah menjamin masa depan keseluruhan orang Melayu di negara ini turut sama berhak sebagai satu bangsa.

Datin Paduka Rafidah melahirkan rasa sedihnya kerana terdapat cawangan-cawangan yang membayangkan protes politik sekiranya permintaan mereka mendapatkan api atau air tidak dipenuhi.

Katanya, jika tindakan seperti ini dibuat dan Barisan Nasional kalah di kawasan itu maka

orang Melayu bukan saja terus menghadapi masalah api atau air paip tetapi 'mulut juga akan kekeringan' melihat kemajuan dinikmati oleh orang lain.

Katanya lagi, bukanlah menjadi dasar Kerajaan membezakan penyaluran kemudahan asas ataupun menunggu musim-musim pilihanraya saja tetapi masalah pentadbiran menyebabkan pelaksanaan kadang kala terlambat.

Menyentuh permintaan UMNO Cawangan Kampung Pandan Utara mendapatkan geran hakmilik tanah, api dan air, Datin Paduka Rafidah yang juga Menteri Perusahaan Awam berjanji bahawa beliau akan cuba sedaya upaya men-

dapatkannya.

Bagaimanapun katanya, jika permintaan itu tidak dapat dipenuhi janganlah pula tindakan memprotes dibuat kerana perjuangan UMNO masih jauh dan banyak lagi.

Menurut beliau, ugut-mengugut menjelang pilihanraya tidak sepatutnya menjadi amalan ahli-ahli UMNO yang menyedari hakikat perjuangan UMNO seperti yang termaktub dalam perlembagaan parti.

Kira-kira 200 ahli Pergerakan Wanita Cawangan itu hadir di mesyuarat tersebut bagi memilih ahli jawatankuasa yang baru.

Menyentuh pemilihan itu, Datin Paduka Rafidah Aziz berharap ia dapat dijalankan dalam suasana yang rasional.